

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 19/3/2012 |

Transformasi bukti keikhlasan kerajaan bantu rakyat

BH - 19/3/2012

PETALING JAYA: Datuk Seri Najib Razak berkata, janji dibuat menerusi program transformasi dalam pelbagai bidang yang dilaksanakan sejak pengambilalihan jawatan Perdana Menteri pada April 2009 adalah petanda jelas terhadap keikhlasan kerajaan dalam memajukan negara dan rakyat.

Katanya, usaha yang bermula sejak tiga tahun lalu itu jelas membuktikan ia bukan semata-mata untuk memancing undi menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Sebaliknya, beliau berkata, pelaksanaan transformasi kerajaan, politik dan ekonomi adalah komitmen berterusan kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam menjamin masa depan negara.

“Apabila saya mengambil alih jawatan kira-kira tiga tahun lalu, saya berjanji pada negara bahawa di bumi Malaysia ini, rakyat akan

mendapat keadilan daripada kerajaan dan saya akan memenuhi janji itu.

“Saya yakin dalam tempoh tiga tahun lalu saya sudah menunaikan janji. Jika dalam tempoh itu kami berupaya berbuat demikian, bayangkan jika kami diberi lima tahun lagi, apa yang kami boleh lakukan untuk negara, termasuk masyarakat India,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian ulang tahun Sri Murugan Centre (SMC) di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Vivekananda, di sini, semalam.

Perdana Menteri turut menyampaikan geran akademik 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kepada 75 pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Pelajar berkenaan, masing-masing menerima RM15,000 menuntut

sekurang-kurangnya setahun di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan atau swasta (IPTS) dan mendapat minimum Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 3.00.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan sewenang-wenangnya menabur janji pada rakyat jika tidak yakin janji itu boleh ditunaikan.

“Kita tidak akan berjanji semata-mata kerana janji demi untuk memancing undi daripada rakyat, saya bukan ahli politik seperti itu, saya komited untuk masa depan Malaysia.

“Saya tidak akan bertolak ansur dalam perkara membabitkan masa depan negara... saya berjanji kerana ini adalah komitmen kami, ini adalah falsafah dan prinsip kami, ini adalah idea kami dan ini adalah matlamat untuk rakyat Malaysia.

“Apabila saya menyatakan komit-

men ini sebagai Perdana Menteri, saya tidak boleh melakukannya sendiri, saya tidak boleh menepuhi perjalanan ini berseorangan, saya mesti melaluinya bersama rakyat untuk memastikan matlamat membina masa depan lebih baik dapat dicapai,” katanya.

Mengenai pembangunan yang dinikmati masyarakat India, Najib berkata, sejak 2009, kerajaan memperuntukkan RM440 juta untuk membina sekolah baru, bangunan baru dan menaik taraf kira-kira 400 SJKT seluruh negara.

Daripada 523 SJKT pada 2009, jumlah itu meningkat kepada 530 tahun ini. Dalam Belanjawan 2012, sebanyak 16 SJKT baru akan dibina di seluruh negara.

Katanya, kerajaan turut prihatin terhadap inisiatif untuk meningkatkan kemasukan pelajar India bagi pengajian ijazah di IPTA.